

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 22

Tommy telah memulakan perniagaan Tommy Fashion dengan wang tunai sebanyak RM25,000 pada 1 Januari 2016. Berikut adalah urus-urus niaga perniagaan bagi dua minggu yang pertama:

- Jan 1      Membuka akaun bank untuk perniagaan dengan memindahkan RM20,000 daripada tunai di tangan.
- 2            Tommy membeli kelengkapan kedai dengan wang tunai RM2,000.
- 5            Membeli pakaian daripada Syarikat Long Kee bernilai RM4,000 secara kredit.
- 8            Membeli sebuah kenderaan dengan harga RM32,000. Tommy telah membayar RM7,000 secara cek dan bakinya dibiayai melalui pinjaman bank.
- 15          Membayar Syarikat Long Kee sebanyak RM3,920 secara cek bagi menjelaskan hutangnya secara sepenuhnya.

### Dikehendaki:

- (a) Merekod kesan urus niaga di atas di jadual persamaan perakaunan yang disediakan di bawah.

Urus niaga	ASET					LIABILITI		EKUITI PEMILIK
	Kend-eraan	Leng-kapan	Inve-ntori	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Pinjaman bank	Modal
	RM	RM	RM	RM	RM	RM		RM
Jan 1								
1								
2								
5								
8								
15								
Baki akhir								

- (b) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 15 Januari 2016. Gunakan format "T"